

## ORANG IDEOLOGI VS ORANG ROHANI

Muhammad Syukri Salleh

1. Dalam dunia akademik, kita terdedah dengan banyak ideologi, misalnya kapitalisme, sosialisme, Maxisme, komunisme, liberalisme, konservatisme, populisme, anarkisme, environmentalisme, fascism, feminism, nasionalisme, dan sebagainya. dan sebagainya.
2. Para ahli akademik pula ramai yang menjadi pendokong dan pejuang ideologi-ideologi ini, walaupun ada yang tidak ada ideologi langsung.
3. Pendokong dan pejuang ideologi ini pula secara kasarnya terbahagi kepada dua.
  - ❖ Pertama, pendokong dan pejuang ideologi setakat idea dan teoritikal sahaja.
  - ❖ Kedua, pendokong dan pejuang ideologi yang beramal dengan ideologi-ideologi tersebut.
4. Antara dua kumpulan ini, biasanya yang lebih ramai ialah yang pertama, yakni pendokong dan pejuang ideologi setakat idea dan teoritikal sahaja. Kumpulan yang kedua, yakni pendokong dan pejuang ideologi yang beramal dengan ideologi-ideologi tersebut adalah sangat sedikit.
5. Maksud ideologi
  - ❖ =“Science of ideas” (kajian tentang sifat dan asal usul atau pengetahuan tentang sesuatu benda)
  - ❖ Ia satu set idea dan amalan yang diyakini boleh membawa kepada perubahan sosio-ekonomi politik atau budaya
  - ❖ Istilah ideologi diperkenalkan pada abad ke-18 oleh ahli falsafah Perancis, Antoine Destutt de Tracy.
6. Bolehkah ahli-ahli akademik ISDEV menjadi orang-orang ideologi begitu?
7. Jawapannya tidak boleh.
  - ❖ Orang ideologi mendokong ideologi yang hanya lahir daripada aqal.
  - ❖ Mereka hanya ada hubungan mendatar sesama manusia dan dengan alam, tetapi tidak ada hubungan menegak dengan Allah SWT
  - ❖ Mereka tidak ada hubungan dalaman diri (antara aqal, hati dan nafsu yang dipandu iman dan taqwa).

8. Warga ISDEV kena jadi orang rohani, bukan orang ideologi.
9. Orang rohani
  - ❖ Ada hubungan sempurna, yakni hubungan vertikal, hubungan horizontal (sesama manusia dan alam), dan hubungan dalam diri (hati, aqal, nafsu)
  - ❖ Ada teras yang kuat, yakni wahyu Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW
  - ❖ Kenal mazmumah dan mahmudah diri
  - ❖ Tahu mengurus kedua-dua mazmumah dan mahmudah tersebut
  - ❖ Pandai mengukur tahap kerohanian melalui tingkat-tingkat iman dan nafsu

10. Kelebihan orang rohani
  - ❖ Kekuatannya pada roh atau jiwanya
  - ❖ Kurang bermesyuarat, kurang berbincang, kerana hati selalunya selari dan sekata
  - ❖ Dianugerahkan Allah satu pemikiran, satu rasa, satu hati, satu perasaan yang sama antara satu sama lain (Asas kekuatan ISDEV yang ke-3: Kefahaman dan Keselarasan)
  - ❖ Sama-sama rasa bersama, boleh bekerjasama, hasilnya amat lumayan
  - ❖ Usaha mereka tidak memakan banyak masa, tidak menggunakan wang yang banyak, tetapi hasilnya banyak sekali sama ada secara lahir maupun secara maknawi.
  - ❖ Hati mereka sama-sama bersih, rohani mereka kuat dengan Allah, akal mereka banyak tunduk kepada wahyu, rahmat dan berkat dicucuri Tuhan
  - ❖ Di dalam masa yang singkat kejayaan mereka cepat, dapat menawan hati orang
  - ❖ Dakwah mereka mudah dan sangat menyentuh hati
  - ❖ Jihad mereka mudah menawan dari satu negeri ke satu negeri, dari satu negara ke satu negara
  - ❖ Orang yang sudah Islam mudah dididik, mudah taat sanggup berkorban, kerana Allah sanggup mati
  - ❖ Dikurniakan Allah rahmat dan berkat yang mencurah-curah
  - ❖ Berbagai perkara pelik berlaku

11. Kesimpulan
  - ❖ Warga ISDEV patut jadi orang rohani, bukan orang ideologi

- ❖ Oleh kerana ideologi tidak boleh menjadikan warga ISDEV orang rohani, sebab itu tidak boleh campur-aduk kaedah ideologi ke dalam kaedah rohani → pendekatan non-akomodatif yang dipegang oleh ISDEV
- ❖ Menjadi orang rohani secara otomatik memiliki kefahaman dan keselarasan dalam berfikir, beramal dan bertindak (kekuatan ISDEV yang ketiga)
- ❖ Menjadi orang rohani boleh mengelak daripada terperangkap dengan “usaha Islam” yang berlandaskan ideologi. Usaha Islam mesti berlandaskan kepada kerohanian, bukan kepada ideologi.